

•Kata ganda separa ialah kata ganda yang mengalami pengulangan suku kata pertama pada kata asalnya. Selain itu, bunyi vokal pada suku kata pertama berubah menjadi vokal yang dilambangkan dengan huruf **e** .

•Contoh :

KATA DASAR	KATA GANDA	KATA GANDA SEPARA
Layang	Layang-layang	Lelayang
Kuda	Kuda-kuda	Kekuda
Tupai	Tupai-tupai	Tetupai
Siku	Siku-siku	Sesiku
Bola	Bola-bola	Bebola
Jari	Jari-jari	Jejari
Langit	Langit-langit	Lelangit



Munsyi Cilik

Kata ganda separa ialah kata yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.

Kata ganda separa tunggal: pepondok


Kata ganda separa berimbuhan awalan: bantu-membantu

Kata ganda separa berimbuhan akhiran: barang-barangan

Kata ganda separa berimbuhan apitan: kemerah-merahan

Mari Kita CERIAKAN

Cikgu Zakwan memberi murid-murid penerangan tentang cara hiasan persekitaran sekolah sempena Bulan Kemerdekaan.




Murid boleh menghias **pepondok** bacaan dan tempat rehat murid dengan menggantung bendera dan bunga raya dengan bebenang. **Barang-barangan** itu akan disumbangkan oleh pelbagai pihak.



Lebih kreatif lagi jika murid menghias dedawai pagar sekolah dengan membentuk kata-kata patriotik daripada botol minuman. **Bantu-membantulah** antara kamu supaya kerja ini lebih mudah.



Di dalam kelas, wujudkan sudut patriotik yang dihiasi dengan maklumat sejarah. Murid boleh merujuk cikgu sejarah untuk mencari-cari maklumat patriotik. Murid boleh mengambil gambar sebagai kenang-kenangan. Selalulah kunjung-mengunjung sudut itu nanti.



Di langit kelas, boleh dihiasi dengan gegantung Jalur Gemilang. Gantungkannya setinggi-tingginya supaya tidak meleret ke lantai. Warna **kemerah-merahan**, **kekuning-kuningan** dan **kebiru-biruan** pada bendera menyerikan suasana kelas.

Kategorikan kata ganda separa dalam petikan

Kata Ganda Separa <u>TUNGGAL</u>	Kata Ganda Separa <u>BERIMBUHAN AWALAN</u>	Kata Ganda Separa <u>BERIMBUHAN AKHIRAN</u>	Kata Ganda Separa <u>BERIMBUHAN APITAN</u>

Bina 4 ayat menggunakan KATA GANDA SEPARA.

rerama

sayur-sayuran

kenang-kenangan

kemerah-merahan